

AsiaSense 2013 di Melaka

PERSIDANGAN Sensor Serantau 2013 (AsiaSense 2013) yang bakal diadakan pada minggu depan akan menjadi platform kepada saintis, penyelidik, ahli akademik dan industri membincangkan perkembangan dan isu terkini berkaitan teknologi sensor

Malaysia sekali lagi terpilih sebagai tuan rumah pada persidangan tersebut yang bakal diadakan di Melaka pada 27 hingga 29 Ogos ini.

Selepas kejayaan persidangan yang diadakan sebelum ini di Malaysia (2003, 2005), Manila (Filipina (2007), Bangkok, Thailand (2009) dan Jeju Island, Korea (2011), persidangan tersebut kembali lagi ke negara ini dengan pelbagai perkembangan terbaharu dalam industri sensor yang dilihat semakin penting.

Pada tahun ini, Sirim Berhad berganding bahu dengan Universiti Putra Malaysia (UPM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Malaysia (MARDI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Yang turut terlibat ialah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) diberi peluang untuk menganjurkan AsiaSense 2013

Persidangan tersebut menghimpunkan saintis dan jurutera daripada ahli akademik, institusi penyelidikan dan syarikat pelbagai bidang untuk mempersembahkan dan berbincang mengenai sensor.

Antara teknologi sensor yang akan disentuh nanti ialah teknologi bio/nano untuk penjagaan kesihatan dan aplikasi perubatan, bioelektronik dan sistem mikropenderia.

ALAT penderia untuk pendebungaan kelapa sawit yang digunakan menerusi kerjasama dengan Felda.

